



PruBSN WarisanPlus

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

**Wariskan keluarga dengan
kesenangan dan kepastian**

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM")
UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL INI
ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur
Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau
hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Prudential BSN Takaful Berhad
200601020898 (740651-H)

Ahli PIDM

HADIAHKAN LEGASI UNTUK YANG TERSAYANG

Pemberian legasi kepada keluarga anda bukan sekadar meninggalkan harta semata-mata. Ia akan lebih bermakna sekiranya pemberian legasi tersebut membolehkan mereka yang anda sayang meneruskan kehidupan dengan tenang.



Hanya **10.8% rakyat Malaysia** yang menetap di bandar mempunyai simpanan yang cukup untuk menanggung beban kewangan setelah kematian ketua keluarga¹.

Bayangkan anda tidak lagi ada bersama, mampukah anda menjamin masa depan mereka yang anda sayang?

Memperkenalkan
PruBSN WarisanPlus,
pelan Takaful yang menyediakan
keselamatan dan jaminan legasi
anda untuk yang tersayang.



¹ The Star, 2016

PERSEDIAAN UNTUK SITUASI YANG TIDAK DIJANGKA

Bagaimana jika anda masih ada namun hilang upaya? Siapa yang akan menguruskan anda dan keluarga pada masa yang sama?



Para pesakit dan ahli keluarga mereka membelanjakan **hampir 40%** daripada jumlah pendapatan mereka untuk pembiayaan rawatan rehabilitasi dari strok bagi pesakit luar².

Ya, kad perubatan yang anda miliki akan membayar bil hospital, namun tahukah anda bahawa bil hanyalah sebahagian kecil daripada kos sebenar yang perlu ditanggung? Pernahkah anda terfikir kos-kos berbangkit yang sebenar?

Dengan PruBSN WarisanPlus, anda layak untuk menerima pampasan yang boleh digunakan, antaranya untuk:

Penggantian pendapatan

Rawatan perubatan alternatif

Bil penjagaan pesakit di rumah dan perbelanjaan-perbelanjaan lain setelah keluar dari hospital

Pengurusan kenaikan perbelanjaan rumah sewaktu proses pemulihan

Yang paling penting, anda dan keluarga dapat memberi tumpuan terhadap proses pemulihan dengan tenang.



² Singapore Med J 2015; 56(2): 116-119 doi: 10.11622/smedj.2015025

RINGKASAN MANFAAT

PruBSN WarisanPlus akan melindungi anda dengan cara yang diingini.



1. Jumlah perlindungan yang tinggi untuk kelangsungan hidup keluarga yang lebih lama

Dengan nilai perlindungan tinggi bermula daripada RM350,000*, keluarga anda akan dapat mengekalkan gaya hidup semasa dan membantu mereka melangsanki sebarang hutang apabila anda meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD). Anda atau keluarga akan menerima manfaat berikut:

100%

- Perlindungan kematian yang bukan akibat kemalangan atau TPD

200%

- Perlindungan kematian akibat kemalangan

300%

- Kematian akibat kemalangan yang berlaku di dalam pengangkutan awam

400%

- Kematian akibat kemalangan yang berlaku di luar Malaysia

Nota:


- Perlindungan Kematian adalah yang tertinggi daripada Jumlah Perlindungan Asas atau nilai tunai daripada Akaun Unit Perlindungan (PUA).
- Baki nilai tunai di dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA) juga akan dibayar jika berlaku kematian.
- Perlindungan untuk Kematian akibat Kemalangan dan TPD adalah sehingga umur 70 tahun sahaja.
- Perlindungan TPD merujuk kepada Jumlah Perlindungan Asas.

*minimum RM250,000 untuk pelan kanak-kanak



2. Perlindungan yang boleh diubah suai dengan sumbangan yang berpatutan

Tidak semua pelan perlindungan yang ada boleh menepati keperluan anda. Namun, dengan **PruBSN WarisanPlus**, anda boleh tambahkan rider mengikut keperluan anda seperti yang diingini.



3. Perlindungan penyakit unik

Menerima pampasan apabila anda didiagnosis atau dimasukkan ke wad disebabkan penyakit berjangkit bergantung kepada kategori berikut:

KATEGORI A

RM5,000 untuk satu diagnosis bagi satu penyakit

- Campak
- Demam Chikungunya
- Penyakit Tangan Kaki dan Mulut
- Demam Kepialu
- Rabies

KATEGORI B

RM10,000 untuk setiap kemasukan ke wad bagi satu penyakit

- Virus Zika
- Ebola
- MERS-CoV
- SARS
- Malaria
- Penyakit Creutzfeld - Jakob
- Influenza A - Influenza Burung AH7N9 & AH5N1
- Ensefalitis Virus Nipah
- Ensefalitis Jepun



4. Hibah*


Jamin masa depan mereka yang anda sayangi dengan menamakan mereka sebagai benefisiari. Mereka akan menerima manfaat kematian tanpa melalui prosedur pewarisan harta yang berpanjangan³.

*Hibah adalah pemberian hadiah dan merujuk kepada pemindahan hak milik daripada seorang penderma (wahib) kepada penerima (mawhub lahu) tanpa sebarang balasan. Menurut Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, anda boleh menamakan individu untuk menerima manfaat-manfaat takaful sama ada sebagai waris atau benefisiari di bawah hibah bersyarat.



5. Bantuan perbelanjaan pengebumian

Ringankan beban keluarga anda apabila mereka menerima RM3,000 daripada manfaat Khairat³.



6. Pilihan Dana Berkaitan Pelaburan

Anda boleh memilih daripada 10 jenis Dana berkaitan Pelaburan yang bersesuaian dengan keperluan risiko anda untuk meningkatkan nilai tunai dengan potensi pulangan yang lebih.



7. Permohonan yang mudah

Tidak perlu melalui pemeriksaan perubatan untuk menikmati jumlah perlindungan asas sehingga RM2 juta⁴.



8. Pelanjutan perlindungan sehingga umur 100

Perlindungan akan berlanjut sehingga umur 100⁵, tertakluk kepada sumbangan tambahan yang diperlukan.



9. Melangkaui Semangat Takaful

Membolehkan anda membantu golongan keluarga miskin tegar dan miskin untuk dilindungi dengan perlindungan takaful keluarga asas melalui rider Ihsan.

³ Tertakluk pada dokumen yang lengkap dan proses dalaman.

⁴ Tertakluk pada umur kemasukan.

⁵ Perlindungan akan berlanjut selagi terdapat nilai tunai yang mencukupi untuk penolakan Tabarru' dan caj lain sehingga umur 100 tahun atau sehingga tempoh perlindungan yang maksimum untuk manfaat tertentu, yang mana lebih awal. Sumbangan tambahan mungkin diperlukan untuk memastikan nilai tunai adalah mencukupi sehingga akhir tempoh yang dilanjutkan.

UBAH SUAI PERLINDUNGAN ANDA

Perlindungan yang lebih luas untuk anda dan keluarga.

JENIS PERLINDUNGAN	RIDER DAN MANFAAT
Penyakit Kritikal (CI)	<p>Anda akan menerima jumlah tunai sekaligus apabila anda didiagnosis dengan mana-mana satu daripada 43 penyakit kritikal sekiranya anda memilih untuk menambah rider berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">• Crisis Protector• Crisis Shield <p>Anda boleh menggunakan tunai tersebut untuk membayai keperluan harian dan bulanan sebagai penggantian pendapatan.</p>
Contributor	<p>Perlindungan anda akan diteruskan sekiranya berlaku kematian (jika berkenaan), Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) atau CI kepada anda atau ahli keluarga yang dilindungi apabila anda meletakkan rider berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">• Contributor Protect• Contributor Parent Protect• Contributor Spouse Protect• Contributor Saver• Contributor Spouse Saver• Contributor Parent Saver <p>Jika lebih daripada satu manfaat Contributor berlaku pada masa yang sama, Dana Tabarru` bukan sahaja akan membantu anda dengan bayaran sumbangan sijil, malah satu jumlah yang sama dengan Jumlah Perlindungan bagi manfaat Contributor yang terlibat akan diperuntukkan sebanyak 100% ke dalam akaun IUA sijil, yang memberikan lebih banyak dana untuk anda.</p>
Pelaburan	<p>Sertakan rider Takaful Saver atau Takaful Saver Kid untuk meningkatkan nilai tunai dengan potensi pulangan.</p> <p>Sumbangan anda akan dilaburkan dalam dana pelaburan pilihan anda yang diluluskan Syariah. Untuk maklumat lanjut mengenai Helaian Fakta Dana dan prestasi masa lalu dana, anda boleh rujuk di www.prubsn.com.my.</p>
Haji/Umrah	<p>Dengan rider Haji Protection, anda akan menerima manfaat kematian tambahan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">• 200% daripada Jumlah Perlindungan rider akibat kematian atau TPD sewaktu menunaikan <i>Haji</i> atau <i>Umrah</i>• Manfaat Imunisasi <i>Haji/Umrah</i> sehingga RM300 untuk setiap 3 tahun
Level Term	<p>Dengan rider Level Term Benefit, keluarga anda dapat menggunakan tunai tambahan untuk melangsangkan hutang seperti pembiayaan hartanah. Manfaat ini akan dibayar sekiranya anda meninggal dunia dalam tempoh yang anda pilih: 5, 10, 20 atau 30 tahun.</p>
Derma	<p>Bantu golongan miskin dengan takaful asas keluarga sebanyak RM10,000 sekeluarga apabila anda sertakan rider Ihsan dari RM5 sebulan. Dana daripada rider Ihsan akan disalurkan ke inisiatif PrubSN Mikrotakaful Jariyah yang diuruskan oleh PrubSN Prihatin.</p>

CIRI-CIRI PRODUK

Maklumat asas yang anda perlu tahu.

Umur kemasukan	14 hari - 70 tahun ⁶	
Jumlah Perlindungan	Dewasa <ul style="list-style-type: none">• Minimum: RM350,000• Maksimum: Tiada had (Tertakluk pada pengunderaitan)	Kanak-kanak <ul style="list-style-type: none">• Minimum: RM250,000• Maksimum: RM2,000,000
Tempoh Sijil	Pilih untuk dilindungi selama 20 tahun atau sehingga umur 70, 80, 90 atau 100 tahun.	
Tempoh Manfaat Sumbangan	Kemudahan untuk memilih tempoh sumbangan anda: <ul style="list-style-type: none">• 5 tahun• 10 tahun• 20 tahun• Sepanjang Tempoh Sijil	
Manfaat Kematian	<p>Sekiranya berlaku kematian⁷, kami akan membayar mana-mana yang lebih tinggi:</p> <ul style="list-style-type: none">• Jumlah Perlindungan Asas semasa; atau• Nilai unit di dalam Akaun Unit Perlindungan (PUA) ditambah nilai unit di dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA) jika ada.	
Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)	<p>Jika berlaku TPD sebelum tamat tempoh atau umur 70 tahun, mana-mana yang lebih awal, kami akan membayar jumlah perlindungan TPD.</p> <p><i>Nota: Tertakluk kepada jumlah maksimum RM8,000,000 bagi setiap orang yang dilindungi.</i></p>	

⁶ Umur merujuk kepada Umur pada Hari Jadi Akan Datang. Untuk tempoh sijil dengan Umur Tamat Tempoh 70 tahun, umur kemasukan maksimum adalah 60 tahun.

⁷ Manfaat Kematian akibat Kemalangan dihadkan pada RM2 juta untuk tuntutan di bawah umur 19 tahun. Perlindungan kemalangan adalah sehingga umur 70.

<p>Sumbangan</p>	<p>Sumbangan bulanan minimum RM100 untuk dewasa dan RM50 untuk kanak-kanak. Sumbangan adalah bergantung pada pilihan jumlah perlindungan, tempoh sumbangan, dan kekerapan sumbangan. Kadar sumbangan adalah berbeza mengikut umur, jantina, status merokok, kelas pekerjaan, keadaan kesihatan, tempoh sumbangan, dan umur tamat tempoh.</p> <p>Jadual di bawah menunjukkan contoh sumbangan tahunan untuk lelaki yang tidak merokok yang berumur 30 tahun tanpa sebarang masalah kesihatan, dengan jumlah perlindungan asas yang dilindungi dari RM350,000, tempoh sijil yang dipilih sehingga umur 70 tahun dan dana berkaitan pelaburan yang dipilih adalah 50% Takafulink Dana Urus dan 50% Takafulink Dana Sukuk:</p> <table border="1" data-bbox="223 373 1046 913"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Jumlah sumbangan yang perlu dibayar berdasarkan tempoh sijil sehingga umur 70 tahun</th><th colspan="2">Untuk meningkatkan kemampunan sijil anda sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil (sehingga umur 100 tahun)</th></tr> <tr> <th>Alternatif 1</th><th>Alternatif 2</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="223 595 386 913"> <p>RM1,644 Tahunan daripada umur 30 tahun sehingga umur 69 tahun</p> </td><td data-bbox="386 595 710 913"> <p>Kami menasihatkan untuk terus membayar jumlah sumbangan sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil. Selain itu, penambahan sumbangan berkala⁸ sebanyak RM2,724 Tahunan adalah dicadangkan daripada umur 30 tahun sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil. Jumlah sumbangan yang perlu dibayar: RM4,368 Tahunan daripada umur 30 tahun sehingga umur 99 tahun.</p> </td><td data-bbox="710 595 1046 913"> <p>Kami menasihatkan untuk terus membayar jumlah sumbangan sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil. Selain itu, penambahan sumbangan berkala⁸ sebanyak RM22,356 Tahunan adalah dicadangkan daripada umur 70 tahun sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil. Jumlah sumbangan yang perlu dibayar: RM1,644 Tahunan daripada umur 30 tahun sehingga umur 69 tahun. RM24,000 Tahunan daripada umur 70 tahun sehingga umur 99 tahun.</p> </td></tr> </tbody> </table> <p>Nota: Jumlah sumbangan yang ditunjukkan di atas adalah tidak dijamin dan dianggarkan berdasarkan jumlah minimum yang diperlukan. Sumbangan juga mungkin berbeza bergantung kepada pulangan pelaburan sebenar, manfaat yang dipilih, pembayaran sumbangan, Penolakan Tabarru' dan caj. Anda boleh merujuk kepada penyata tahunan untuk jumlah penambahan sumbangan berkala yang dicadangkan, yang dikemaskini setiap tahun untuk meningkatkan kemampunan sijil sehingga tempoh yang dilanjutkan (berdasarkan Alternatif 1 di atas) dan mungkin boleh mempertimbangkan untuk menambah sumbangan anda dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kemampunan sijil anda. PruBSN akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 90 hari sebelum Pelanjutan Tempoh Sijil jika terdapat sebarang sumbangan tambahan yang diperlukan semasa tempoh yang dilanjutkan. Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk untuk sumbangan yang perlu dibayar berdasarkan perlindungan yang dipilih.</p>	Jumlah sumbangan yang perlu dibayar berdasarkan tempoh sijil sehingga umur 70 tahun	Untuk meningkatkan kemampunan sijil anda sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil (sehingga umur 100 tahun)		Alternatif 1	Alternatif 2	<p>RM1,644 Tahunan daripada umur 30 tahun sehingga umur 69 tahun</p>	<p>Kami menasihatkan untuk terus membayar jumlah sumbangan sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil. Selain itu, penambahan sumbangan berkala⁸ sebanyak RM2,724 Tahunan adalah dicadangkan daripada umur 30 tahun sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil. Jumlah sumbangan yang perlu dibayar: RM4,368 Tahunan daripada umur 30 tahun sehingga umur 99 tahun.</p>	<p>Kami menasihatkan untuk terus membayar jumlah sumbangan sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil. Selain itu, penambahan sumbangan berkala⁸ sebanyak RM22,356 Tahunan adalah dicadangkan daripada umur 70 tahun sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil. Jumlah sumbangan yang perlu dibayar: RM1,644 Tahunan daripada umur 30 tahun sehingga umur 69 tahun. RM24,000 Tahunan daripada umur 70 tahun sehingga umur 99 tahun.</p>
Jumlah sumbangan yang perlu dibayar berdasarkan tempoh sijil sehingga umur 70 tahun	Untuk meningkatkan kemampunan sijil anda sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil (sehingga umur 100 tahun)								
	Alternatif 1	Alternatif 2							
<p>RM1,644 Tahunan daripada umur 30 tahun sehingga umur 69 tahun</p>	<p>Kami menasihatkan untuk terus membayar jumlah sumbangan sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil. Selain itu, penambahan sumbangan berkala⁸ sebanyak RM2,724 Tahunan adalah dicadangkan daripada umur 30 tahun sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil. Jumlah sumbangan yang perlu dibayar: RM4,368 Tahunan daripada umur 30 tahun sehingga umur 99 tahun.</p>	<p>Kami menasihatkan untuk terus membayar jumlah sumbangan sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil. Selain itu, penambahan sumbangan berkala⁸ sebanyak RM22,356 Tahunan adalah dicadangkan daripada umur 70 tahun sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil. Jumlah sumbangan yang perlu dibayar: RM1,644 Tahunan daripada umur 30 tahun sehingga umur 69 tahun. RM24,000 Tahunan daripada umur 70 tahun sehingga umur 99 tahun.</p>							
<p>Peruntukan Pelaburan</p>	<p>Sumbangan anda (setelah Penolakan caj Wakalah) akan dilabur di dalam dana berkaitan pelaburan pilihan anda yang diluluskan Syariah.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Takafulink Dana Aktif • Takafulink Dana Asia • Takafulink Dana Dinamik • Takafulink Dana Ekuity Dinasti • Takafulink Dana Ekuity Global • Takafulink Dana Ekuity Income • Takafulink Dana Ekuity Plus • Takafulink Dana ESG Global • Takafulink Dana Sukuk • Takafulink Dana Urus <p>Sila rujuk kepada Ilustrasi Produk untuk makluman lanjut mengenai kadar peruntukan sumbangan anda. Pilih daripada 10 jenis dana pelaburan untuk menempatkan sumbangan anda berdasarkan pilihan risiko anda. Untuk info lanjut tentang Helaian Fakta Dana dan prestasi pelaburan dana yang lalu, sila layari www.prubsn.com.my</p>								

⁸ Penambahan sumbangan berkala boleh dilakukan melalui rider Takaful Saver atau Takaful Saver Kid, jika berkenaan.

CAJ DAN PENOLAKAN

Agihan sumbangan anda.

JENIS	BUTIRAN																											
Caj Wakalah Pendahuluan	<p>Caj ini membolehkan kami membayar komisen, perbelanjaan berkaitan pengagihan, dan perbelanjaan pengurusan. Peratusan yang ditunjukkan di bawah adalah berdasarkan pada tempoh sumbangan selama 20 tahun dan ke atas.</p> <table border="1"><thead><tr><th>Tahun Sijil</th><th>1</th><th>2</th><th>3</th><th>4</th><th>5</th><th>6</th><th>7</th><th>≥8</th></tr></thead><tbody><tr><td>PUA</td><td>40%</td><td>40%</td><td>40%</td><td>20%</td><td>20%</td><td>20%</td><td>5%</td><td>0%</td></tr><tr><td>IUA</td><td colspan="8">5%</td></tr></tbody></table> <p>Untuk tempoh kurang dari 20 tahun, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk.</p>	Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7	≥8	PUA	40%	40%	40%	20%	20%	20%	5%	0%	IUA	5%							
Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7	≥8																				
PUA	40%	40%	40%	20%	20%	20%	5%	0%																				
IUA	5%																											
Caj Perkhidmatan Wakalah	<table border="1"><thead><tr><th rowspan="2">Ini bagi pengurusan sijil</th><th>Kaedah</th><th>Tunai/Cek</th><th>Lain-lain</th></tr><tr><th>Kekerapan</th><th>RM8 sebulan</th><th>RM7 sebulan</th></tr></thead><tbody></tbody></table>	Ini bagi pengurusan sijil	Kaedah	Tunai/Cek	Lain-lain	Kekerapan	RM8 sebulan	RM7 sebulan																				
Ini bagi pengurusan sijil	Kaedah		Tunai/Cek	Lain-lain																								
	Kekerapan	RM8 sebulan	RM7 sebulan																									
Penolakan Tabarru`	Ini adalah untuk membayar perlindungan Takaful anda. Nilainya berbeza bergantung kepada umur, jantina, jumlah perlindungan, status merokok, kelas pekerjaan dan status kesihatan.																											
Caj Wakalah Pengurusan Aset	Ini adalah untuk perbelanjaan pengurusan pelaburan anda. Caj ini dikenakan secara harian daripada nilai akaun pelaburan anda.																											
	<table border="1"><thead><tr><th>Dana Berkaitan Pelaburan</th><th>Caj Wakalah Pengurusan Aset</th></tr></thead><tbody><tr><td>Takafulink Dana Aktif</td><td>1.50% setahun</td></tr><tr><td>Takafulink Dana Asia</td><td>1.50% setahun</td></tr><tr><td>Takafulink Dana Dinamik</td><td>1.25% setahun</td></tr><tr><td>Takafulink Dana Ekuiti Dinasti</td><td>1.50% setahun</td></tr><tr><td>Takafulink Dana Ekuiti Global</td><td>1.50% setahun</td></tr><tr><td>Takafulink Dana Ekuiti Income</td><td>1.50% setahun</td></tr><tr><td>Takafulink Dana Ekuiti Plus</td><td>1.50% setahun</td></tr><tr><td>Takafulink Dana ESG Global</td><td>1.50% setahun</td></tr><tr><td>Takafulink Dana Sukuk</td><td>0.50% setahun</td></tr><tr><td>Takafulink Dana Urus</td><td>1.30% setahun</td></tr></tbody></table>	Dana Berkaitan Pelaburan	Caj Wakalah Pengurusan Aset	Takafulink Dana Aktif	1.50% setahun	Takafulink Dana Asia	1.50% setahun	Takafulink Dana Dinamik	1.25% setahun	Takafulink Dana Ekuiti Dinasti	1.50% setahun	Takafulink Dana Ekuiti Global	1.50% setahun	Takafulink Dana Ekuiti Income	1.50% setahun	Takafulink Dana Ekuiti Plus	1.50% setahun	Takafulink Dana ESG Global	1.50% setahun	Takafulink Dana Sukuk	0.50% setahun	Takafulink Dana Urus	1.30% setahun					
Dana Berkaitan Pelaburan	Caj Wakalah Pengurusan Aset																											
Takafulink Dana Aktif	1.50% setahun																											
Takafulink Dana Asia	1.50% setahun																											
Takafulink Dana Dinamik	1.25% setahun																											
Takafulink Dana Ekuiti Dinasti	1.50% setahun																											
Takafulink Dana Ekuiti Global	1.50% setahun																											
Takafulink Dana Ekuiti Income	1.50% setahun																											
Takafulink Dana Ekuiti Plus	1.50% setahun																											
Takafulink Dana ESG Global	1.50% setahun																											
Takafulink Dana Sukuk	0.50% setahun																											
Takafulink Dana Urus	1.30% setahun																											
Caj Wakalah Penambahan	<p>RM25</p> <p>Caj ini akan dikecualikan sehingga transaksi elektronik dilaksanakan. Apabila transaksi elektronik dilaksanakan, permintaan secara manual untuk penambahan sumbangan tunggal tertakluk kepada RM25.</p>																											
Caj Wakalah Penukaran Dana	Empat (4) penukaran percuma dibenarkan setiap tahun sijil. Sebarang tukar ganti tambahan dalam tempoh tahun tersebut akan dikenakan caj tukar ganti yang ditetapkan pada 1% daripada amaun yang ditukar ganti, tertakluk pada jumlah maksimum sebanyak RM50. Caj akan dikecualikan sehingga transaksi elektronik dilaksanakan .																											

NOTA-NOTA PENTING

- 1. Ini adalah produk takaful yang terikat pada prestasi aset-aset pendasar, dan ia bukan suatu produk pelaburan tulen seperti unit amanah.**
2. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pelan ini dan manfaat tambahannya, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk, Lampiran Keterangan Produk dan Helaian Fakta Dana, sebelum menyertai pelan ini dan sila rujuk kepada terma dan syarat di dalam dokumen sijil untuk maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting pelan ini.
3. Pulangan daripada PUA dan IUA anda (jika berkenaan), sekiranya ada, akan berdasarkan pada prestasi sebenar dana-dana dan ia tidak dijamin.
4. Risiko pelaburan dana anda akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang dibayar.
5. Jika anda berhenti membayar atau tertinggal membayar sumbangan, perlindungan anda mungkin ditamatkan sebelum tamat tempoh. Sijil anda akan tamat sekiranya amaun PUA dan/atau IUA anda tidak mencukupi untuk membayar Penolakan *Tabarru`* dan caj-caj lain.
6. Anda seharusnya terus membayar sumbangan anda secara tetap sehingga tarikh matang pelan anda untuk memastikan anda dan anak anda dilindungi sepenuhnya di bawah pelan ini setiap masa. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menamatkan perlindungan anda sebelum tarikh matang.
7. Sumbangan, kadar *Tabarru`* dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. PruBSN boleh menyemak semula sumbangan, kadar *Tabarru`* dan/atau caj lain dengan memberi notis bertulis 90 hari. Sekiranya terdapat kenaikan kadar *Tabarru`* dan caj-caj lain, anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan.
8. Manfaat contributor akan membantu dalam pembayaran jumlah sumbangan atas kematian, TPD atau penyakit kritis anda atau ahli keluarga anda, jika berkenaan, semasa tempoh pembayaran sumbangan sijil dan amaun manfaat adalah seperti yang dinyatakan dalam dokumen sijil takaful. Sekiranya terdapat semakan sumbangan atau semakan caj-caj yang menjelaskan jumlah sumbangan pada masa hadapan, anda dikehendaki membayar tambahan sumbangan penambahan bagi memastikan nilai PUA dan IUA masih berterusan sepanjang tempoh sijil.
9. Untuk **PruBSN WarisanPlus**, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan, tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
10. **PruBSN WarisanPlus** adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta`awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan anda ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru`* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-caj *Wakalah* yang tersenarai di atas.
11. **PruBSN WarisanPlus** tidak menyediakan manfaat daripada Dana *Tabarru`* pada penamatan, tamat tempoh atau kematangan sijil.
12. Anda berhak menerima sebarang agihan lebih daripada Dana *Tabarru`* termasuk keuntungan (jika ada). Bersama para peserta yang lain, anda berhak menerima 50% daripada lebihan dan PruBSN akan menerima 50% baki selebihnya sebagai yuran prestasi menguruskan Dana *Tabarru`*. Bahagian agihan lebihan anda akan dimasukkan semula ke dalam PUA anda. Amaun agihan lebihan sebenar akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk pada persetujuan Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.

13. Sebarang rujukan kepada umur adalah berdasarkan Umur pada Hari Jadi Akan Datang, kecuali dinyatakan sebaliknya.
14. Anda boleh membatalkan pelan ini dengan menghantar permohonan bertulis dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran dokumen sijil. Dalam kes ini, kami akan memulangkan semula bayaran bagi sumbangan yang belum diperuntukkan, sebarang Penolakan Tabarru` dan caj perkhidmatan yang telah dipotong daripada sumbangan yang diterima termasuk nilai baki unit akaun anda, ditolak dengan mana-mana yuran perubatan yang telah ditanggung oleh PruBSN bagi tujuan semakan risiko di bawah sijil.
15. Anda boleh meminta secara bertulis untuk menarik balik Pelanjutan Tempoh Sijil pada bila-bila masa setelah sijil anda dikeluarkan. Ini akan menyebabkan perlindungan anda berakhir pada tempoh sijil asal tanpa lanjutan. Walau bagaimanapun, jika ada permintaan berikutnya untuk memohon semula Pelanjutan Tempoh Sijil, permohonan ini akan tertakluk kepada pengunderaitan.

PENGECUALIAN

PruBSN WarisanPlus tidak melindungi sebarang situasi berikut:

1. Kematian akibat membunuh diri dalam tahun pertama dari tarikh permulaan sijil atau tarikh penguatkuasaan semula sijil.
2. TPD yang berlaku secara langsung ataupun tidak langsung disebabkan oleh:
 - i. Percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras.
 - ii. Melakukan atau percubaan untuk melakukan kesalahan jenayah oleh orang yang dilindungi.
 - iii. Penyalahgunaan dadah atau stimulator, atau komplikasinya.
 - iv. Peperangan atau tindakan agresif, termasuk penaklukan, tindakan keganasan negara asing, musuh luar (sama ada perang diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, campur tangan ketenteraan atau rampasan kuasa.
 - v. Penglibatan dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan kami memberi persetujuan melalui endorsan khas.
 - vi. Sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada kami berhubung dengan status kesihatan bagi Orang yang Dilindungi.
 - vii. Sebarang keadaan kongenital, trauma kelahiran dan kesan komplikasi daripadanya, bagi Sijil atau Lampiran yang diluluskan semasa Orang yang Dilindungi masih berada dalam kandungan atau sebelum Orang yang Dilindungi mencecah usia 14 tahun.

Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda hendaklah merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan maklumat lanjut.

APAKAH ITU TAKAFUL?

Suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam

Takaful diambil daripada istilah Arab 'kafala' yang membawa erti "**Jaminan bersama**" atau **menjamin antara satu sama lain**.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.



PERTOLONGAN BERSAMA



**PERLINDUNGAN BERSAMA
DARIPADA KERUGIAN**



TANGGUNGJAWAB BERSAMA



Secara intipatinya, takaful adalah berasaskan prinsip "***Ta`awun***"(kerjasama/pertolongan bersama) di mana penglibatan penyertaannya adalah ***Tabarru`at*** (kebajikan).

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

PruBSN WarisanPlus adalah produk yang berasaskan Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

(No. Syarikat 200601020898 (740651-H))

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.



03 2775 7188



customer@prubsn.com.my



SMS PruBSN dan hantarkan ke **33080**



www.facebook.com/prubsn



www.instagram.com/prubsn_official



www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad

Penting: Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan Oktober 2023.